

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Beliau dianggap sebagai penyair yang paling _____ di negara kita.
A ideal C unggul
B ulung D handal
2. Beberapa orang penduduk kampung membaiki rumah Pak Ali yang _____ itu.
A bengkok C serong
B senget D bongkok
3. Pulut yang ditanak oleh Kakak Maisarah _____.
A hangit C lemau
B hapak D hanyir
4. Farid berasa sangat _____ bahawa batik keluaran syarikatnya akan menembusi pasaran luar negara.
A benar C optimis
B tentu D betul
5. "Pemakaian baju Melayu tidak _____ jika kamu tidak mengenakan sampung," kata abah kepada abang.
A penuh C sepadan
B lengkap D cukup
6. Malaysia sangat _____ kerana rakyatnya pelbagai kaum, namun hidup bersama-sama dengan harmoni.
A pelik C canggih
B ganjil D istimewa

7. Meja ini bergoyang kerana skru yang dipasang oleh Ganesh _____.
- | | |
|-----------|------------|
| A rekah | C lapang |
| B longgar | D renggang |

8. Yasmin membentangkan hasil kerjanya yang bertajuk "Destar Warisan Kita" dengan _____ sekali.
- | | |
|---------|----------|
| A elok | C lancar |
| B licin | D pantas |

Praktis PT3 Bahagian B

A Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Selepas menyaksikan persembahan teater itu, tingkah laku Kamalia agak anih.

2. Pekerja Pak Wan mengasingkan tin-tin susu yang kemik itu untuk ditukarkan dengan yang baharu.

3. Penayangan filem-filem klasik arahan Allahyarham P. Ramlee semula oleh pihak TV3 amat dialu-alukan oleh masyarakat Malaysia.

4. Para peserta persembahan kebudayaan itu sangat kusyuk mendengar taklimat daripada seniman veteran itu.

B Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Kini, warisan budaya tradisional negara kita semakin luput ditelan arus pemodenan.

2. Kemasukan budaya pelik yang mampu menggugat kedudukan tradisi dan identiti negara perlu disekat.

3. Cendol merupakan satu sajian minuman tradisi yang sangat tersohor dalam kalangan rakyat Malaysia.

4. Bangunan Stadthuys merupakan bangunan Belanda paling tertua di rantau Timur.

5. Masyarakat kini lebih menggemari barangan yang mempunyai reka bentuk moden menyebabkan kraf tangan tradisional semakin dipandang sunyi.

6. Dalam suasana yang kelim itu, kami tidak dapat mendengar nama yang dipanggil ke pentas.
